



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA.800-1/6/3(3)
Tarikh : 29 Disember 2017

Pengarah Kanan
Jabatan Perkhidmatan Persaraan
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
Aras 11, Skytech Tower 2,
MKN Embassy Techzone,
Jalan Teknokrat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya.
(U.p : En Md Saffi bin Nadzir)

Tuan,

**SURAT EDARAN BERKENAAN TARIKH BAHARU DAN PERATURAN
PEMBAYARAN PENCEN BULANAN BAGI TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil 6/2017 bertarikh 22 Disember 2017, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan tarikh baharu dan peraturan bagi pembayaran pencen bulanan bagi tahun 2018. Sehubungan dengan itu, jadual yang disertakan bersama surat terdahulu telah terbatal dan digantikan dengan jadual yang disertakan bersama surat ini. Peraturan-peraturan ini hendaklah dipatuhi bagi memastikan proses kerja pihak yang terlibat dapat berjalan dengan lancar dan sistematik.




3. Kerjasama dan perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(ANOM AKMAR BINTI MOHD OMAR)
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**SURAT EDARAN
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN PENCEN 2018**

Ketua Pengarah Operasi KWAP (D)

1. TUJUAN

Surat ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Tarikh pembayaran pencen bulanan bagi tahun 2018; dan
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi memastikan penyediaan pencen bulanan dapat diuruskan dengan sempurna dan pencen bulanan dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH

Tarikh pembayaran pencen bulanan bagi tahun 2018 adalah seperti di LAMPIRAN A.

3. PERATURAN PEMBAYARAN PENCEN BULANAN

Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA akan membuat permohonan dana melalui Bahagian Akaun, JPM bagi tujuan pembayaran pencen bulanan. Sehubungan itu, KWAP (D) dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:

- a) Menghantar semua permohonan dana untuk bayaran pencen bulanan selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh pembayaran pencen bulanan yang ditetapkan; dan
- b) Semua pembayaran bagi pencen bulanan (*post dated*) hendaklah dikemukakan bersama permohonan dana harian kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

4. PEMBATALAN


Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, **surat edaran rujukan JPA.800-1/6/3(2) bertarikh 4 Disember 2017** adalah dibatalkan

5. PENUTUP

Pihak KWAP (D) hendaklah mematuhi peraturan seperti di perenggan 3 bagi memastikan pembayaran pencen bulanan dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang ditetapkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(ANOM AKMAR BINTI MOHD OMAR)
Timbalan Pengarah
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tel : 03-88854027
Email : anom.omar@jpa.gov.my

s.k:

Bahagian Pasca Perkhidmatan Sabah
Bahagian Pasca Perkhidmatan Sarawak

TARIKH PEMBAYARAN PENCEN BULANAN BAGI TAHUN 2018

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
JANUARI	18.01.2018	KHAMIS	
FEBRUARI	06.02.2018	SELASA	Tahun Baru Cina 16 (Jumaat) & 17 (Sabtu) Februari 2018
MAC	21.03.2018	RABU	
APRIL	19.04.2018	KHAMIS	
MEI	21.05.2018	ISNIN	Hari Pesta Kaamatan 30 (Rabu) & 31 (Khamis) Mei 2018
JUN	04.06.2018	ISNIN	Hari Gawai 1 (Jumaat) & 2 (Sabtu) Jun 2018 Hari Raya Puasa 15 (Jumaat) & 16 (Sabtu) Jun 2018
JULAI	19.07.2018	KHAMIS	
OGOS	13.08.2018	ISNIN	Hari Raya Haji 22 Ogos 2018 (Rabu)
SEPTEMBER	20.09.2018	KHAMIS	
OKTOBER	18.10.2018	KHAMIS	
NOVEMBER	21.11.2018	RABU	Hari Deepavali 06 November 2018 (Rabu)
DISEMBER	17.12.2018	ISNIN	Hari Krismas 25 Disember 2018 (Selasa)